

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 10.10.2025 MASA: 8:30PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH BAKTI SETIA DAN JASAMU
DIKENANG TAHUN 2025
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT
14 OKTOBER 2025 (SELASA)
2.00 PETANG

BERTAM RESORT PULAU PINANG
SEBERANG PERAI UTARA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati

En Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Mohd Syukri Bin Said

Pengarah Kejuruteraan Merangkap Penyelaras Penyampaian

Anugerah Bintang Pengangkutan Cemerlang (ABPC)

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Syukur Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat Allah SWT, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh makna ini dalam **Majlis Anugerah Bakti Setia dan Jasamu Dikenang Tahun 2025** anjuran **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan ucapan **setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan** kepada semua yang hadir. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menyerikan lagi suasana penuh penghargaan yang kita raikan bersama ini.

Hadirin yang saya hormati,

3. Majlis pada petang ini amat istimewa kerana kita meraikan **16 orang penerima Anugerah Bakti Setia** serta **58 orang penerima Jasamu Dikenang**, termasuk waris kepada warga MBSP yang telah meninggal dunia. Mereka semua adalah insan-insan hebat yang telah menabur bakti, mencurahkan keringat serta menulis kisah pengabdian dalam lembaran sejarah MBSP.

4. Anugerah yang diberikan hari ini bukan sekadar simbol atau penghormatan semata-mata, tetapi merupakan satu **pengiktirafan tulus terhadap kesetiaan, disiplin, dedikasi dan komitmen tanpa jemu** selama puluhan tahun berkhidmat kepada rakyat Seberang Perai. Setiap tugas, setiap tanggungjawab, walau kecil sekalipun, telah menyumbang kepada keberhasilan besar yang dinikmati oleh MBSP pada hari ini.
5. Kepada para penerima **Anugerah Bakti Setia**, tahniah dan syabas saya ucapkan. Dua puluh lima tahun bukanlah tempoh yang singkat, ia sarat dengan pelbagai cabaran, perubahan dasar, evolusi teknologi dan transformasi organisasi. Namun, saudara-saudari tetap teguh, sabar dan setia berdiri di bawah panji MBSP.
6. Sesungguhnya, kesetiaan dan komitmen yang tuan-tuan dan puan-puan tunjukkan menjadi **cerminan nilai integriti serta budaya kerja cemerlang** yang harus dicontohi oleh generasi baharu perkhidmatan awam. Moga semangat dan kecekalan tuan-tuan dan puan-puan terus menjadi **sumber inspirasi kepada seluruh warga MBSP**.
7. Tidak ketinggalan, kepada warga MBSP yang telah bersara atau bakal bersara, serta kepada waris yang mewakili insan-insan yang telah pergi meninggalkan kita, izinkan saya merakamkan **setinggi-**

tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas jasa dan pengorbanan mereka sepanjang tempoh berkhidmat.

8. Walaupun mereka tidak lagi bersama kita dalam barisan perkhidmatan, **jejak budi dan hasil kerja mereka tetap menjadi asas kepada kekuatan MBSP hari ini**. Sesungguhnya, mereka telah menabur benih kemajuan yang kini membuahkan hasil kesejahteraan kepada warga Seberang Perai.
9. Kepada para waris, saya doakan semoga terus diberi ketabahan dan kekuatan. Yakinlah bahawa jasa insan-insan tersayang ini tidak pernah dilupakan. MBSP akan terus mengenang dan menghargai setiap titik peluh yang telah dicurahkan demi kesejahteraan bandar raya kita tercinta.
10. Saya berharap agar anugerah yang diterima pada hari ini akan menjadi **sumber motivasi dan pemangkin semangat** kepada semua warga MBSP untuk terus menabur bakti dengan penuh keikhlasan, tanggungjawab dan integriti. Semoga para penerima anugerah terus menjadi **ikon dan inspirasi kepada rakan sekerja yang lain** serta sentiasa menunjukkan teladan unggul dalam etika kerja, kecemerlangan prestasi, dan kesetiaan kepada organisasi.

11. Kepada seluruh warga MBSP, marilah kita bersama-sama memperkuat komitmen untuk menjadikan MBSP sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi, berpaksikan nilai **profesionalisme, akauntabiliti dan penyampaian perkhidmatan yang berimpak tinggi** kepada masyarakat, sejajar dengan visi kita — **“Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar.”**
12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan **tahniah kepada semua penerima Anugerah Bakti Setia dan Jasamu Dikenang Tahun 2025**. Semoga setiap penghargaan yang diterima menjadi kenangan indah, simbol pengiktirafan atas segala jasa yang tidak ternilai.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.